



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**18 Oktober 2023  
03 Rabiulakhir 1445H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Harga ikan di Terengganu menurun
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Tiada kenaikan harga ikan menjelang tengkujuh
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	/	NEGATIF	NEUTRAL	8
					18.10.23

## Harga ikan di Terengganu menurun

**Marang:** "Tidak berlaku kenaikan harga ikan di Terengganu, malah harga sumber protein itu semakin menurun," kata Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim.

Menurutnya, harga turun mendadak contohnya ikan selayang kini ada yang dijual pada harga RM10 untuk tiga kilogram.

Menurutnya, apa yang berlaku ketika ini tidak pernah berlaku dalam tempoh agak lama dalam konteks negeri Terengganu iaitu harga ikan menurun.

"Walaupun ikan itu dikatakan datang dari Endau, Johor tetapi sebenarnya nelayan Endau datang memukat di perairan Terengganu.

"Cuma hasil dibawa ke Endau dan bawa balik melalui jalan darat ke Terengganu," katanya ketika ditemui pada program X-to-Reef di Jeti Pelancongan Marang, dekat sini, semalam.



NELAYAN menyusun hasil tangkapan ikan selepas pulang dari laut untuk dijual kepada penduduk setempat di Jeti Seberang Takir, Kuala Terengganu.

Ditanya mengenai harga ikan di negeri ini, beliau berkata, harga ikan di Terengganu menurun berikutan kedatangan musim tengkujuh.

"Bulan September, Oktober dan November merupakan musim tangkapan meningkat dan musim

(tengkujuh) ini ikan-ikan dari perairan laut dalam akan (datang) hampir ke kawasan pesisir pantai.

"Banyak spesies ikan yang ditemui di kawasan 10 jam perjalanan, kini hanya tiga hingga empat jam sudah jumpa spesies ini," katanya.

Menurutnya, fenomena seumpama ini berlaku pada musim tengkujuh kerana ia adalah musim ikan bertelur sekali gus pihaknya menggesa nelayan menggunakan kaedah tangkapan yang tidak merosakkan sumber protein berkenaan.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	27	18.10.2023

## Tiada kenaikan harga ikan menjelang tengkujuh

**MARANG** - Tiada kenaikan harga ikan di negeri ini walaupun berdepan musim tengkujuh, kata Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Dr Azman Ibrahim.

Beliau berkata, berdasarkan laporan diterima mendapati harga ikan menurun dan situasi tersebut tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Sekarang saya mendapat maklum balas harga ikan sudah turun di mana ikan selayang sudah boleh dibeli dengan harga RM10 bagi tiga kilogram.

"Ia merupakan suatu yang tak pernah berlaku bagi tempoh agak lama untuk konteks di Terengganu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa sidang akhbar Program Melabuh Tukun Tiruan X-To-Reef di Jeti Pelancongan



**Azman (dua dari kanan) semasa Program Melabuh Tukun Tiruan X-To-Reef di Jeti Pelancongan Marang pada Selasa.**

di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, Azman berkata, tangkapan ikan meningkat pada musim tengkujuh kerana jumlah ikan pada waktu itu akan lebih banyak

terutama di tangkapan zon A dan zon B.

"Bulan September, Oktober dan November ialah musim tangkapan meningkat. Musim ini ikan dari perairan

laut dalam akan hampir ke pesisir pantai.

"Jadi ia fenomena yang biasa berlaku pada musim tengkujuh. Kita sangat menitikberatkan supaya tidak berlaku kaedah tangkapan yang merosakkan sumber di kawasan pesisir pantai ketika musim berkenaan," ujarnya.

Dalam pada itu, Azman menyatakan penurunan harga disebabkan peningkatan jumlah pendaratan ikan sebanyak 99 peratus di Terengganu pada tahun ini berbanding tahun lepas.

"70 peratus daripada peningkatan tersebut (99 peratus) disumbangkan oleh hasil tangkapan nelayan zon A dan B iaitu jarak lima hingga 12 batu nautika dari pantai atau pulau.

"Sebab itu kita fokus pada program memperkayakan perikanan di dua zon terabit," jelasnya.